

Soalan No:25

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 20.11.2017

SOALAN :

Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai] minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan apakah strategi Kementerian dalam menggalakkan STEM di kalangan pelajar sekolah dan sejauh mana penglibatan profesional dalam motivasi STEM dan STI.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil langkah memperkenalkan Inisiatif Perkukuhan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dalam usaha menggalakkan murid mengikuti bidang STEM di peringkat menengah dan lepas menengah. STEM membolehkan murid berfikir secara kritikal dan menyelesaikan masalah, serta menyediakan murid menjadi pekerja berkemahiran tinggi yang diperlukan oleh industri.

Inisiatif Perkukuhan STEM memberi penekanan kepada peningkatan minat murid, kemahiran guru dan kesedaran ibu bapa terhadap

47

pendidikan STEM. Peningkatan minat murid disasarkan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang mengintegrasikan elemen STEM, mengaplikasikan konteks dunia sebenar dan melaksanakan aktiviti *hands-on* secara formal di dalam bilik darjah, bukan formal melalui aktiviti kokurikulum dan tidak formal melalui aktiviti di luar sistem persekolahan. Antara aktiviti yang telah dan sedang dilaksanakan adalah pembinaan bahan sumber STEM dan video STEM untuk membantu PdP, penubuhan Kelab STEM+, gamifikasi STEM dan rancangan televisyen realiti STEM.

Bagi meningkatkan kemahiran guru, KPM telah melaksanakan penilaian kompetensi guru STEM, intervensi guru STEM dan latihan amali sains. Selain itu, guru juga diberi pendedahan tentang ilmu STEM melalui Kolokium Pendidikan STEM, Persidangan Antarabangsa Pendidikan STEM dan program mentor mentee STEM yang dianjurkan dengan kerjasama pihak universiti awam serta pihak industri.

Selain daripada itu, *International Science, Technology and Innovation Centre for South-South Cooperation* (ISTIC) telah bekerjasama dengan KPM iaitu Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPG) dengan memberi latihan *Inquiry Based Science Education* (IBSE) selama 60 jam kepada 30 orang pensyarah IPG. Mereka telah memperkenalkan IBSE di sekolah yang terpilih.